

**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH  
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN  
INOVASI**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN  
PROGRAM KESEDARAN STANDARD**

**28 OGOS 2016 (AHAD)  
MYDIN MALL MITC MELAKA**

**YANG BERUSAHA ENCIK KUA ABUN**

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar),  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

**YANG BERBAHAGIA TAN SRI DATUK MUSTAFA MANSUR**

Pengerusi Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia

**YANG BERBAHAGIA DATUK FADILAH BAHARIN**

Ketua Pengarah, Jabatan Standard Malaysia

**Pegawai-pegawai Kanan Kementerian, Jabatan dan  
Agensi Kerajaan serta Rakan-Rakan Media**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

1. Pertama sekali saya ingin menyampaikan salam daripada YB Menteri MOSTI yang tidak dapat bersama kita pada hari ini atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

2. Saya bersyukur kerana kita dapat berkumpul pada hari ini, untuk bersama Jabatan Standard Malaysia sebuah jabatan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi menjayakan **PROGRAM KESEDARAN STANDARD 2016** yang diadakan bersempena sambutan ulang tahun penubuhan Standards Malaysia yang ke dua-puluh (20).

3. Saya juga mengucapkan Terima Kasih kepada Standards Malaysia kerana telah memilih Melaka Bandaraya Bersejarah sebagai lokasi bagi sambutan ini.

4. Seperti yang kita semua maklum, Standards Malaysia mempunyai peranan yang penting untuk membangun dan mempromosikan *Malaysian Standards* (MS) serta memberi pengiktirafan akreditasi kepada badan-badan penilaian pematuhan (*conformity assessment*) seperti badan-badan pensijilan dan makmal-makmal pengujian dan penentukuran.

5. Selepas 20 tahun ditubuhkan, saya amat berbangga dengan prestasi dan pencapaian Standards Malaysia dalam melaksanakan fungsinya. Standards Malaysia hendaklah sentiasa terus

melipatgandakan usaha untuk meningkatkan kesedaran, penerimaan dan penggunaan standard dalam kalangan industri dan juga rakyat Malaysia.

6. Secara umumnya, peranan yang dijalankan oleh Standards Malaysia banyak menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi negara. Dengan adanya standard, tahap dan kualiti kesihatan, keselamatan dan kebajikan rakyat dan alam sekitar akan lebih terjamin. Bagi sektor industri, pematuhan kepada standard akan meningkatkan kecekapan dan daya saing industri di peringkat domestik dan antarabangsa.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Saya difahamkan sehingga kini, sebanyak 6,000 MS telah dibangunkan bagi membantu industri menghasilkan produk yang berkualiti. Ini sekaligus dapat menggalakkan perluasan perdagangan produk dan perkhidmatan industri tempatan.

8. Di samping itu, sebanyak lapan ratus (800) buah makmal pengujian dan tiga puluh (30) badan pensijilan telah menerima pengiktirafan akreditasi daripada Standards Malaysia. Melalui pengiktirafan ini, produk dan perkhidmatan yang dihasilkan akan lebih berdaya saing sama ada dalam pasaran tempatan mahupun antarabangsa.

9. Kita semua juga harus mengetahui bahawa standard adalah merupakan salah satu komponen penting dalam perjanjian-perjanjian

perdagangan bebas (FTAs) yang telah ditandatangani oleh Kerajaan seperti AFTA (*ASEAN Free Trade Agreement*) dan *Trans-Pacific Partnership Agreement* atau TPPA. Melalui perjanjian ini, banyak kesan positif yang diterima seperti akses ke pasaran yang lebih luas di mana kebanyakan produk Malaysia dapat mematuhi standard antarabangsa dan sekaligus ini dapat meningkatkan peluang perniagaan dalam memperluaskan perdagangan produk dan perkhidmatan industri tempatan.

10. Sebagai signatori kepada perjanjian ini, Kerajaan sentiasa sedar akan cabaran yang akan dihadapi oleh industri tempatan dan telah merencana beberapa program agar semua cabaran FTAs dapat ditangani dengan cermat.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

11. Suka juga saya maklumkan di sini bahawa Standards Malaysia telah menjalankan Kajian *Economic Impact on the Usage of Standards for the Electrical & Electronic (E&E), Food & Beverage (F&B) and Agriculture Sectors* pada bulan Jun tahun ini. Kajian mendapati penggunaan standard memberikan impak yang positif kepada produktiviti negara. Peningkatan 1% dalam pembangunan standard akan meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 0.02% bagi sektor E&E, 0.26% bagi F&B dan 0.06% bagi sektor Pertanian.

12. Berdasarkan fakta ini, Kerajaan akan memberikan perhatian yang khusus dalam membantu pihak industri tempatan terutamanya

Perusahaan, Kecil dan Sederhana (PKS) dalam aspek membina keupayaan dalam mematuhi standard-standard tertentu.

13. Di samping meningkatkan keupayaan pihak industri dalam mematuhi standard (*supply creation*), Kerajaan juga akan memperkukuhkan aspek *demand creation* dengan mewujudkan program-program bagi meningkatkan kesedaran rakyat terhadap kepentingan standard seperti program kerjasama secara NBOS bersama *stakeholders*, program merakyatkan kualiti dan program pembudayaan kualiti untuk generasi muda.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

14. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk menyeru kepada semua yang hadir dalam program ini untuk sama-sama membantu usaha membudayakan kualiti melalui pengwujudan permintaan kepada produk dan perkhidmatan yang berkualiti sesuai dengan tema sambutan iaitu “merakyatkan kualiti”.

15. Terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang telah bekerjasama dalam merealisasikan program ini khususnya kepada pihak Kerajaan Negeri Melaka, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Suruhanjaya Tenaga, Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, ASTRO dan semua syarikat yang mengambil bahagian sebagai pempamer.

16. Akhir kata, saya berharap semua pihak yang menyertai Program Kesedaran Standard 2016 ini mendapat manfaat daripada pelbagai slot dan aktiviti yang disediakan.

17. Saya juga berharap agar lebih banyak program sebegini dapat dianjurkan bagi memberi peluang kepada rakyat untuk berinteraksi secara terus dan menyuarakan pandangan mereka tentang isu-isu berkaitan standard dan meningkatkan kesedaran mereka mengenai produk dan perkhidmatan yang berkualiti.

18. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan **PROGRAM KESEDARAN STANDARD 2016 di MITC, Melaka.**